

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

PENGGAL KEEMPAT

KERTAS PEMBERITAHU

PERTANYAAN² BAGI JAWAB MULUT

HARI JUMA'AT, 27^{HB} APRIL, 1962

***1. Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kepada Menteri Dalam Negeri benar-kah naskhah Perjanjian Pertahanan di-antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan United Kingdom dapat di-beli daripada Penchetak Kerajaan dan ada-kah Perjanjian itu dalam bahasa kebangsaan.

***2. Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kepada Menteri Pertahanan benar-kah ashkar² kita yang berkhidmat di-Kongo di-beri babi dalam tin sa-bagai chatuan makanan mereka itu.

***3. Enche' Ahmad Boestamam** bertanya kepada Menteri Pertahanan berapa-kah ada kejadian orang bawahan memukul pegawai atasan di-kalangan Pasokan ke-6 Ashkar Melayu di-Raja sa-waktu bertugas di-Kongo tempoh hari dan apa-kah sebab-nya berlaku hal² yang demikian itu.

***4. Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri ada-kah Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan bersedia untok memberi peluang kepada orang² ramai Melayu bagi membeli saham² yang di-punyai-nya yang telah maju saperti di-dalam Sharikat Bas NET di-Kota Bharu itu.

***5. Enche' Zulkiflee bin Muhammad** bertanya kepada Menteri Pengangkutan bila-kah pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan mengadakan gerabak² tempat tidor "sleeperette" bagi keretapi² ka-Pantai Timor dan apa-kah sebab²-nya layanan itu di-kemudiankan daripada Pantai Barat.

***6. Enche' Ng Ann Teck** bertanya kepada Menteri Dalam Negeri apa-kah sebab² yang melambatkan orang² China yang telah di-hukum buang negeri itu daripada di-hantar ka-Negeri China, dan ada-kah beliau akan menimbangkan supaya di-adakan sa-buah Khemah Khas untok orang² buang negeri itu sementara menanti di-hantar balek ka-negeri mereka sa-lepas mereka menjalani tempoh penjara.

***7. Enche Ng Ann Teck** bertanya kepada Menteri Dalam Negeri berapa orang daripada orang yang telah menyerahkan sijil kera'ayatan dengan suka hati sendiri telah di-luchutkan kera'ayatan-nya ia-itu sa-hingga 31 haribulan March tahun 1962, berapa orang yang maseh menanti akan di-luchutkan kera'ayatan-nya, dan boleh-kah Menteri Dalam Negeri memberi jaminan kepada Majlis ini ia-itu orang² yang menanti itu akan di-beri kemudahan² khas boleh meminta semula walau pun tempoh boleh minta di-daftarkan menurut Artikul (17) dalam Perlembagaan itu telah mati.